

# Peluang Kedua

written by Saarani Vengadesen | 11/04/2023

Maleeq Mikhail perlahan-lahan menapak masuk ke perkarangan rumahnya setelah seharian berada di sekolah. Sudah menjadi rutin harian Maleeq untuk berjalan kaki setiap kali pergi serta pulang dari sekolah sejak kehilangan hampir keseluruhan ahli keluarganya dalam satu kemalangan jalan raya. Kakaknya, Maria Mikhail turut terselamat daripada kemalangan yang meragut nyawa itu.

Perasaan teruja Maleeq untuk bertemu Maria bertukar malap dalam sekelip mata apabila dia melihat keadaan rumahnya yang ibarat dilanda garuda. Debaran jantungnya kian memuncak apabila dia melihat bungkusan plastik sampah hitam berbentuk manusia dalam posisi menggigil di ruang tamu rumahnya. Tangan Maleeq terketar-ketar membuka plastik sampah yang diikat dengan rapi itu.

“Kakakkk!!!!” Maleeq menjerit sekuat hatinya apabila melihat keadaan Maria yang sungguh menyayat hati. Kesan jerutan tali pada lehernya jelas kelihatan, kaki dan tangannya diikat dan kelima-lima jari kanan Maria dipotong dengan kejam. Nadi Maria tidak lagi berdenyut, dan degupan jantungnya berhenti buat selamanya. Pada usia 17 tahun, Maleeq akhirnya hidup sebatang kara.

## **1 Januari 2040 - 20 tahun kemudian**

“Jangan tinggal Maleeq, kakakkk!!” Maleeq menjerit dan bangkit daripada

tidurnya yang panjang. Tubuh badannya lencun bermandi peluh setelah terperangkap dalam mimpi yang mengimbuai detik-detik akhir kematian kakaknya. Jantungnya berdegup dengan laju dan dia mengalami kesukaran untuk bernafas.

Mukanya bertukar kemerah-merahan dan dia memegang erat bahagian dadanya yang kesakitan. Serangan panik merupakan kesan trauma paling besar yang dihadapinya selepas menyaksikan kematian Maria. Dia terus menggapai keratan akhbar yang disimpannya sejak 20 tahun lalu tentang penahanan seorang lelaki yang dikenali sebagai Amar Noah iaitu individu yang bertanggungjawab membunuh Maria.

Degupan jantungnya akan kembali berdegup pada paras normal setiap kali dia mengamati akhbar yang menjadi bukti terbelanya kematian Maria walaupun lelaki itu sekadar ditahan apabila roh dan jasadnya sudah terpisah. Dia sememangnya kecewa pembunuh kakaknya itu tidak dihukum di dunia, namun dia sedar kematian dalam kefasikan membunuh sudah cukup besar impaknya untuk seorang Muslim.

Balai Polis Kampung Santubong gempar apabila satu panggilan pembunuhan diterima daripada orang awam. Pasukan Bahagian Siasatan Khas dari Jabatan Siasatan Jenayah bergerak ke bilik mesyuarat dengan riak muka yang sangat tegang. Hari ini merupakan hari pertama Maleeq bertugas sebagai Asistan Superintendan Polis (ASP) di Balai Polis Kampung Santubong setelah 15 tahun berkhidmat di Balai Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Walaupun berat untuk dia kembali ke tempat yang menjadi saksi kematian seluruh ahli keluarganya iaitu tempat kelahirannya di Seremban, dia tetap menerima kenaikan pangkat ini.

“Saya akan membentangkan profil mangsa pembunuhan yang baru dilaporkan pagi tadi.

Nama mangsa ialah Laila Airin dan mangsa berusia 25 tahun. Mangsa ditemui tertanam di kawasan pembinaan yang terbengek, dalam keadaan tangan dan kakinya diikat serta tubuh badan dibungkus menggunakan plastik sampah hitam. Leher mangsa ada kesan jerutan tali dan lima jari kanan mangsa turut dipotong." Deputi Superintenden Polis (DSP) Rashid yang bertindak sebagai ketua membentangkan kes kematian terbaru itu kepada seluruh pasukannya.

Maleeq diselubungi perasaan terkejut apabila mendengar laporan kematian mangsa pembunuhan itu oleh ketuanya. Gambaran fizikal mayat yang baru ditemui itu sangat menyerupai keadaan kakaknya ketika dijumpai meninggal dunia 20 tahun lalu. Namun, dia cuba menyembunyikan perasaan kagetnya daripada pasukannya. " Kita akan bentuk dua kumpulan di bawah pemantauan ASP Maleeq.

Inspektor Syukri, siasat latar belakang mangsa serta keluarga mangsa. Inspektor Iman, siasat kawasan mangsa dijumpai dan cari bukti-bukti penting yang menjerumus ke arah penemuan suspek." DSP Rashid memberi arahan.

" Baik tuan!" Inspektor Syukri dan Inspektor Iman bergegas meninggalkan bilik mesyuarat. Maleeq yang masih lagi terkejut bukan kepalang turut mengangguk.

Sebaik sahaja tiba di lokasi pembunuhan, jantung Maleeq bagai direnggut dengan kasar. Dia benar-benar terganggu dengan keadaan fizikal mayat di hadapannya. Dia cuba sedaya upaya untuk mengawal pernafasannya supaya tidak diserang perasaan panik. Maleeq berpeluh-peluh melawan perasaan takut dan marah yang datang silih berganti. Dia berjuang sehabisnya untuk menepis memori hitam kematian kakaknya yang meronta-ronta ingin menyinggah mindanya.

Setelah melawan serangan emosi yang datang tanpa diduga itu, dia mendedahkan senjata teknologi pertamanya iaitu robot berbentuk anjing. Robot yang diberi nama 100-RT ini direka khas untuk menandingi fungsi anjing polis yang tidak asing lagi dalam bidang sains forensik. Robot 100-RT ini mampu mengesan kehadiran bukti penting serta mayat walaupun berusia 100 tahun lamanya, pada jarak sejauh 100 km, menandakan sensitiviti dan keberkesanan luar biasa robot ini.

Apabila 100-RT tiba sahaja di lokasi pembunuhan, ia melakukan pengesanan automatik untuk mendapatkan maklumat penting tentang keberadaan mayat serta bukti-bukti penting seperti cap jari, titisan peluh, darah, rambut, tulang, gigi, air liur, dan sebagainya. Penghantaran maklumat 100-RT sangat efisien dan menjimatkan masa kerana ia hanya perlu kekal di satu tempat dan melakukan pengesanan automatik menggunakan deria baunya. Tidak sampai satu minit, 100-RT menghasilkan bunyi yang amat kuat. Segala maklumat yang diperolehi terpampang jelas dalam monitor yang juga merupakan sebahagian daripada tubuh badan robot ini.

" Dua titik peluh di bahagian leher, satu tompok darah pada pergelangan tangan. Ambil sampel bukti yang dinyatakan dan hantar ke makmal forensik." Maleeq memberi arahan kepada pasukan polis. Robot 100-RT ini mampu menganalisa dan mengenal pasti data asid deoksiribonukleik (DNA) mayat menggunakan deria baunya. Sebaik sahaja proses pengenalpastian DNA mayat selesai, ia akan mengesan DNA asing yang terdapat pada tubuh mayat dan menterjemahkan maklumat ini pada monitor.

Setelah selesai menyampaikan maklumat bukti-bukti ini, robot 100-RT sekali lagi menghasilkan bunyi sebagai tanda penghantaran maklumat baru. Maleeq membaca maklumat-maklumat ini dengan teliti. Perasaan kaget perlahan-lahan menelusuri aliran darahnya apabila empat

kawasan ditanda merah, yang memberi maksud terdapat empat mayat dijumpai 100 km dari lokasi mayat pertama.

“ Inspektor Iman, bawa pasukan anda ke lokasi yang dinyatakan dan cari mayat-mayat ini.” Maleeq mengarahkan anak buahnya bertindak dengan segera.

“ Baik tuan!” Inspektor Iman terus bertindak seperti diarahkan.

Maleeq benar-benar dihambat rasa ingin tahu tentang mayat-mayat ini. Dia turut beredar ke lokasi mayat seterusnya, mengiringi anak-anak buahnya yang lain.

Lokasi yang dikesan bagi empat mangsa ini terletak di Hospital Kampung Santubong. Hospital yang sudah lama terbiar dan tidak digunakan lagi. Pasukan Inspektor Syukri turut menyertai Maleeq dan Inspektor Iman dalam usaha pencarian mangsa-mangsa ini. Sebaik sahaja tiba di lokasi pembunuhan, tiada kelibat tubuh badan yang ditemui oleh Maleeq dan pasukan polis. Mereka percaya bahawa mayat-mayat ini telah ditanam supaya tidak dapat dijumpai oleh orang awam.

Maleeq dan pasukan polis menunggu dengan penuh debaran sementara mayat-mayat ini digali. Namun, apa yang dijumpai hanyalah tulang-tulang manusia, menandakan mayat-mayat ini sudah tertanam dalam satu tempoh masa yang lama. Maleeq menggunakan 100-RT untuk mendapatkan bukti-bukti penting seperti DNA mangsa-mangsa ini serta DNA asing yang terdapat pada tubuh mereka. Satusatunya persamaan antara mayat pertama yang dijumpai serta empat mayat yang baru ditemui ini adalah tiada kesan cap jari asing yang dikesan melainkan cap jari milik mereka sendiri.

“ Inspektor Iman, hantarkan bukti-bukti yang dijumpai ke makmal forensik dan bawa mayat-mayat ini ke hospital untuk tujuan pengecaman. Kenal pasti DNA yang ditemui dan bandingkan dalam sistem *irakyat* untuk kita ketahui identiti mayat serta identiti suspek pembunuhan mayat-mayat ini. Minta bantuan pasukan forensik untuk menganalisa tulang-tulang mayat ini. Dapatkan maklumat tentang punca dan cara kematian mereka.” Maleeq memberi arahan kepada anak buahnya.

Data-data penting seperti DNA, cap jari, wajah, salasilah keluarga, pendidikan, pekerjaan dan status kesihatan merupakan maklumat-maklumat wajib yang berada dalam simpanan kerajaan di bawah sistem *irakyat* bagi setiap rakyat Malaysia dan warga asing yang berhijrah ke Malaysia. Setiap kesan cap jari dan DNA yang ditemui di lokasi pembunuhan mampu dipadankan dalam sistem *irakyat* ini memandangkan ia mengandungi data 55 juta penduduk Malaysia.

“ Inspektor Syukri, setelah identiti empat mangsa ini dikenal pasti, siasat latar belakang mereka. Kemudian, cari persamaan dengan mangsa pertama kita jumpa dahulu. Jika terdapat persamaan, berkemungkinan besar mangsa-mangsa ini dibunuh oleh suspek yang sama.” Maleeq memberi tugas kepada anak buahnya untuk merungkai misteri penemuan mayat-mayat ini.

Laporan bedah siasat menunjukkan empat mayat yang baru dijumpai ini telah dibunuh 20 tahun yang lalu, dan mempunyai persamaan hampir 100 peratus dari segi cara dibunuh seperti mangsa pertama yang ditemui. Selain keadaan fizikal yang sama, ujian toksikologi menunjukkan penemuan sejenis ubat sedatif pada tubuh dan tulang mangsa-mangsa ini. Mengikut laporan forensik, mangsa-mangsa ini telah diberi suntikan ubat sedatif terlebih dahulu sebelum dibunuh dengan kejam.

Hasil siasatan juga menunjukkan kelima-lima mangsa ini memiliki personaliti dan latar belakang yang sama. Jantina kesemua mayat ini ialah wanita. Mereka hidup sebatang kara dan dikenali sebagai seorang yang pendiam serta tidak bercampur dengan masyarakat sekeliling. Hal ini menyebabkan kehilangan dan kematian mangsa-mangsa ini tidak dilaporkan. Mujur mangsa terbaru iaitu Laila Airin berjaya dikesan oleh masyarakat setempat.

Apa yang lebih mengejutkan, terdapat satu sampel DNA yang ditemui pada kelima-lima mangsa ini dan pihak polis membuat kesimpulan awal bahawa pembunuhan ini merupakan satu pembunuhan bersiri oleh pembunuh yang sama. Namun, keputusan DNA ini benar-benar menggemparkan kerana berdasarkan sistem *irakyat*, DNA yang dijumpai adalah milik Amar Noah Bin Abdul Halim.

Amar Noah merupakan suspek pembunuhan 20 tahun lalu yang ditemui meninggal dunia selepas melakukan pembunuhan. Mangsa pembunuhan itu tidak lain tidak bukan ialah Maria Bt Mikhail merangkap kakak kandung Maleeq. Maleeq keliru dan tertanya-tanya bagaimana pembunuh kakaknya yang dilaporkan telah meninggal dunia kembali melakukan pembunuhan.

Dek perasaan yang benar-benar ingin tahu, Maleeq memulakan siasatannya sendiri untuk merungkai misteri pembunuhan kakaknya. Maleeq masih tidak mendedahkan salah satu kebolehan robot 100-RT iaitu mengesan DNA manusia yang masih hidup pada diameter 100km dengan hanya menggunakan deria baunya.

Maleeq membawa 100-RT di lokasi pembunuhan mangsa pertama yang dijumpai. Maleeq menjadikan DNA Adam Noah sebagai referens untuk dikesan oleh 100-RT. Dalam tempoh lima minit, lokasi individu yang dicari-carinya itu berjaya dikesan dan Maleeq terus bergegas ke lokasi yang tertera pada monitor 100-RT.

Maleeq akhirnya tiba di kawasan yang dikesan oleh 100-RT iaitu di Hutan Santubong. Maleeq meredah hutan bersama 100-RT yang memimpin perjalanan sehingga tiba di hadapan sebuah rumah papan di tengah-tengah hutan. Maleeq menerjah masuk tanpa sedikit pun keraguan dan meneroka sekeliling rumah papan tersebut. Langkahnya terkunci dan dia hampir jatuh terduduk sebaik sahaja melihat susunan kuku manusia berada di atas sebuah meja.

“ Siapa kau?” Satu suara menegur kehadiran Maleeq.

Maleeq menoleh dan meneliti wajah lelaki di hadapannya. Sebaik sahaja mengamati wajahnya, perasaan amarah dan dendam mengalir laju dalam tubuhnya.

“ Amar Noah... aku tahu kau yang bunuh Laila Airin dan lima wanita lain 20 tahun lalu termasuk kakak aku, Maria Mikhail!!” Maleeq bersuara dengan lantang.

“ Adik Maria rupanya...perempuan yang paling aku benci antara semua mangsa yang lain. Dia berani kata hidup aku menyedihkan sebab aku membunuh manusia. Ini Amar Nazief lah!! Nazief!!” Lelaki itu membongkarkan identitinya.

“ Amar Nazief..?” Maleeq keliru dengan kenyataannya itu.

“ Ya, aku Amar Nazief yang bunuh setiap manusia yang kau sebutkan tadi. Aku perangkap Amar Noah, abang kembar seiras aku dan jadikan dia pembunuh memandangkan kami mempunyai DNA yang sama. Aku yang rancang kemalangan jalan raya Noah sehingga dia mati di tempat kejadian. Aku tinggalkan bahan bukti seperti pisau dan tali pada kereta Noah. Aku pun lari masuk hutan dan teruskan hidup seperti biasa.” Nazief melemparkan pandangan provokasi kepada Maleeq.

Amar Nazief sememangnya layak digelar psikopat. Sejarah penderaan lampainya telah menyebabkan Nazief membesar menjadi seorang yang suka menyendiri dan sukar mempercayai manusia sekeliling. Dan akhirnya dia hidup dalam kesunyian. Kesunyian melampau ini merupakan titik mula perjalanan hitamnya membunuh insan tidak bersalah. Dia memilih mangsa-mangsa yang hidup kesunyian sepertinya. Dia mempercayai bahawa manusia yang hidup dalam kesunyian perlu dibunuh bagi mengakhiri penderitaan kesunyian mereka.

“ Jadi...selama ini...kematian Maria tidak terbela?” Maleeq terketar-ketar melafazkan kata-katanya. Air mata Maleeq mula bertakung.

“ Ya! Dan kalau kau nak tahu, aku sengaja tidak tanam Maria supaya kau dapat menyaksikan detik-detik akhir kematian dia. Aku mahu kau habiskan sisa hidup kau dengan penyesalan sebab gagal lindungi Maria! Aku mahu hidup kau jadi menyedihkan seperti mana Maria sesuka hati melabel kehidupan aku!” Nazief meluahkan segala isi hatinya yang disimpan selama 20 tahun ini.

Dia terpaksa menghentikan pembunuhannya buat seketika kerana bimbang dikesan pihak polis setelah mengambil keputusan untuk tidak menanam mangsa terakhir 20 tahun lalu iaitu Maria seperti empat mangsa lain. Setelah 20 tahun menyembunyikan diri, dia tidak mampu lagi menahan keinginannya untuk membunuh dan kembali melakukan perbuatan terkutuk itu. Disebabkan Nazief lari meneruskan hidup di dalam hutan, maklumat peribadinya seperti cap jari dan DNA tidak berada dalam data *irakyat*. Mujurlah DNA Noah berada dalam simpanan pihak polis dan menjadi petunjuk penting untuk menjejak lokasi persembunyian Nazief.

“ Aku tidak perlu hidup dengan penyesalan. Aku sudah ada bukti DNA yang cukup untuk mendakwa kau sebagai pembunuh bersiri. Lelaki gila!” Maleeq bersuara sambil cuba menenangkan ketegangan emosinya.

“ Hahahahaha! Aku hanya boleh disabitkan tuduhan membunuh Laila Airin. Tetapi tidak untuk mangsa-mangsa 20 tahun lalu. Bagaimanakah pihak polis hendak menentukan DNA yang ada pada mangsa-mangsa 20 tahun lalu itu milik aku atau Noah kerana kami berdua masih hidup ketika itu? Kami mempunyai DNA yang sama, Maleeq. Kami kembar seiras! Kematian Maria 20 tahun lalu tidak akan sama sekali terbela! Tidak akan!” Nazief bersuara sambil ketawa kepuasan.

Maleeq cuba sedaya upaya untuk menahan emosinya. Namun, memori kematian Maria mula menerjah masuk ke dalam mindanya. Maleeq sudah tidak mampu berfikir dengan rasional. Dia bertekad mahu menamatkan riwayat hidup Nazief. Maleeq mengacukan pistolnya tepat pada kepala Nazief.

“ Maria terlalu angkuh dulu. Lihat sekarang? Hidup adik dia akan jadi menyedihkan seperti aku. Seorang pembunuh yang menyedihkan hahahahaha!!

Bunuh aku Maleeq! Aku yang bunuh Maria dulu! Aku yang menyaksikan penderitaan Maria di saat nyawanya ditarik malaikat maut.” Nazief berterusan memprovok Maleeq untuk merealisasikan impiannya menjadikan Maleeq seorang pembunuh sepertinya.

Air mata Maleeq perlahan-lahan menjengah ke muka bumi. Badannya terhenjut-henjut menahan titisan air mata yang mula mengalir laju. Amat sukar untuk Maleeq menahan hamburan emosi kesedihan apabila mengenangkan nasib malang kakaknya. Dia menarik picu pistolnya dan bersiap sedia ingin membunuh lelaki durjana di hadapannya. Ini merupakan satu-satunya cara untuk memastikan kematian kakaknya terbela. Walaupun pada akhirnya dia

akan bergelut pembunuh.

“ Kita boleh buktikan, Maleeq!! Kita ada teknologi *Massively Parallel Sequencing* (MPS), teknologi yang mampu membezakan DNA manusia walaupun mereka adalah kembar seiras. Kamu lupa ke, Maleeq?!!” Inspektor Iman mencelah perbualan mereka setelah menyembunyikan diri buat seketika.

Maleeq sememangnya sudah memaklumkan lebih awal tentang penemuan lokasi Nazief kepada pasukan polis sebelum meredah hutan yang tebal itu kerana bimbang akan berlakunya kejadian yang tidak diduga. Mujurlah mereka tiba tepat pada waktunya bagi menenangkan gelora emosi Maleeq.

Jiwa Maleeq yang bergelora mula menampakkan ketenangan. Dek terlalu dikawal emosi marah dan sedih, dia dimanipulasi dan terlupa tentang kehadiran teknologi baru itu. Maleeq mengesat air matanya dan menurunkan pistolnya. Sebaik sahaja Maleeq menurunkan pistolnya, pasukan polis terus menangkap Amar Nazief iaitu suspek utama pembunuhan bersiri Kampung Santubong.

Setiap DNA manusia akan mengalami tahap mutasi yang berbeza ketika dalam kandungan sewaktu pembentukan janin. Teknologi MPS dapat mengenal pasti tahap mutasi DNA, seterusnya mampu membezakan DNA manusia sekalipun mereka adalah kembar seiras. Dan teknologi MPS ini berjaya membuktikan perbezaan tahap mutasi DNA bagi Amar Nazief dan Amar Noah.

Keputusan MPS menunjukkan DNA Amar Nazief yang ditemui pada mayat Laila Airin menyamai sampel DNA yang ditemui pada empat mayat yang turut baru ditemui serta bukti sampel DNA pembunuh Maria yang disimpan 20 tahun lalu. Amar Nazief didapati bersalah atas kesalahan melakukan pembunuhan kejam terhadap enam orang wanita dengan sengaja.

Akhirnya, Maleeq benar-benar yakin pemergian kakaknya sudah terbela. Perkembangan pelbagai teknologi sains forensik ini memberikan Maleeq peluang kedua untuk menuntut bela atas kematian kakaknya. Peluang kedua yang menjawab persoalan serta misteri kematian lima mangsa 20 tahun lalu. Peluang kedua yang pasti akan dia hargai dan ingati sampai bila-bila.

**Nota: Penulis ialah pemenang Tempat Kedua (Kategori 2) Pertandingan Cerpen Sains Forensik 2021**